

KEMAHIRAN KEHIDUPAN IBU TINGGAL TERHADAP KESEJAHTERAAN KELUARGA (*Single Mother's Living Skills for Family Well-Being*)

Mohamad Nawawy Jusoh¹, Fatmawati Latada¹

¹Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Pengarang Koresponden*: mohamadnawawyjusoh@gmail.com

Accepted: 1 December 2019 | Published: 15 December 2019

Abstrak: Kesejahteraan keluarga adalah sinonim dengan kebahagiaan keluarga yang merangkumi kedua-dua fizikal dan kesejahteraan psikologi, kualiti dalam perhubungan dalam kalangan ibu bapa serta kualiti perhubungan antara ibu bapa dengan anak. Ketiadaan bapa dalam sistem keluarga akan menjejaskan kefungsi tanggungjawab dalam mengurus dan membimbing keluarga terutamanya terhadap kesejahteraan anak-anak. Rentetan itu, menjadi kewajipan kepada ibu tunggal mengambil alih beban tanggungjawab dan peranan bapa dalam mengurus, menjaga dan membimbing serta berfungsi sepenuhnya terhadap keluarga. Bebanan tanggungjawab ibu tunggal akan menjejaskan kesejahteraan dan kualiti hubungan dalam keluarga terutama dalam bertanggungjawab memainkan dua peranan mencari nafkah dan menjaga anak-anak, kewangan yang rendah, ekonomi tidak stabil, pekerjaan tidak tetap, dan tiada sistem sokongan moral daripada ahli keluarga dan luar. Sebaliknya, ibu tunggal memerlukan sistem sokongan yang positif dari ahli keluarga dan kewangan yang kukuh serta ilmu pengetahuan yang mantap dalam mengekalkan kesejahteraan keluarga. Justeru itu, kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kualitatif melalui dapatan sekunder yang melibatkan bentuk tulisan seperti jurnal, artikel, buku-buku dan prosiding dirujuk. Secara kesimpulan, ibu tunggal memerlukan kemahiran yang khusus merangkumi ilmu pengetahuan kemahiran ibubapa, kemahiran mengawal emosi, kemahiran berinteraksi, kemahiran membuat keputusan serta kemahiran ilmu kewangan dan keusahawanan bagi membantu mereka dalam menguruskan emosi, fizikal dan tingkahlaku bagi mengekalkan kesejahteraan keluarga.

Kata kunci: kemahiran ibu tunggal, kesejahteraan keluarga

Abstract: Family well-being is synonymous with family happiness that includes both physical and psychological well-being, quality in relationships between the parents as well as the quality of relationships between parents and children. The absence of a father in the family system will affect the function of responsibility in managing and guiding the family, especially towards the well-being of children. Consequently, it is the duty of the single mother to take over the burden of responsibility and the role of the father in managing, caring and guiding thus maintaining the functionality of the family. The burden of motherhood obligations will affect the well-being and quality of relationships in the family, especially in the responsibility of playing two roles of working for living and caring for children, low financial flow, unstable economy, irregular jobs and no moral support system from family members and outsiders. On the other hand, the single mother needs a positive support system from family members and financial stability as well as knowledge in maintaining the well-being of the family. Hence, this study has used qualitative study methods through secondary findings that involve writings such as journals, articles, books and proceedings as reference.

In conclusion, the single mother requires specific skills that include parental knowledge, emotional control skills, interaction skills, decision-making skills as well as financial and entrepreneurial skills to help them manage the emotions, physical and behavior in order to maintain the well-being of the family.

Keywords: single mother skills, family well-being

1. Pengenalan

Kesejahteraan keluarga merupakan sebuah institusi keluarga dalam sesebuah negara yang berada dalam keadaan yang selamat, sihat, aman, selesa, harmoni dan memuaskan. Definisi ini meliputi pelbagai aspek kepuasan dan keselesaan seperti rohani, ekonomi, dan kewangan, mental, psikososial, kesihatan, politik dan kelestarian. Kesejahteraan keluarga juga turut sinonim dengan kebahagiaan keluarga yang merangkumi kedua-dua fizikal dan kesejahteraan psikologi, kualiti dalam perhubungan dalam kalangan antara ibu bapa dan anak (McKeown et al., 2003 & LPPKN., 2011)

Kajian daripada Ismail, Robiah, Syarifah, Kamarul, & Ahmad (2004) ibu tunggal merupakan ibu atau wanita yang digantung tidak bertali oleh suami ataupun seorang wanita dalam proses perceraian yang akan mengambil masa yang panjang untuk di selesaikan serta hak penjagaan anak masih berada di bawah jagaan ibu tunggal sewaktu dalam proses tersebut tanpa menerima sebarang nafkah daripada suami. Pengkaji menambah bahawa definisi ini juga dianggap sebagai ibu tunggal jika suami tinggal berasingan dan tidak boleh memainkan peranan penting sebagai ketua keluarga atau suaminya uzur yang tidak berdaya untuk memberi tanggungjawab dalam membesarkan anak malah suami memerlukan isteri untuk menjaga mereka dengan rapi.

Undang-undang pemisah mendefinisikan ibu tunggal sebagai "hak pengadilan untuk hidup berasingan, hak dan kewajiban orang yang bercerai tetapi tanpa ada proses perceraian". Hak-hak yang disebut dalam definisi ini termasuklah hak petisyen dalam mengetepikan pasangan untuk bercerai, serta hak penjagaan anak-anak, sokongan anak, sokongan suami, dan pembahagian harta (U.S Divorce Law Center (2009).

Secara umumnya, ibu tunggal adalah pasangan suami isteri yang berpisah secara tidak rasmi, yang bermaksud pasangan tidak hidup bersama tetapi tidak meneruskan untuk berpisah secara sah disisi undang-undang atau tidak bercerai secara rasmi. Ramai pasangan yang berpendapatan rendah telah mengambil keputusan untuk berpisah secara tidak formal dan bercerai kerana mereka tidak ada kemampuan untuk membayar yuran guaman yang berkaitan dengan perceraian (Watkins, Menken, & Vaughan, 1981)

2. Ulasan Kajian Lepas

Ketiadaan suami disisi ibu bermaksud ibu tunggal mesti bertanggungjawab memainkan dua peranan penting dalam institusi keluarga iaitu menjaga dan mengasuh. Peranan tersebut hampir mustahil dilaksanakan tanpa ada sokongan daripada luar. Kebiasaannya, ibu tunggal akan bergantung dengan dua sistem sokongan dalam kehidupan mereka iaitu bantuan awam yang bekerjasama dengan program AFDC sebagai program sangat penting yang telah sasarkan kepada ibu tunggal dan anak mereka. Sistem seterusnya adalah ibubapa atau ahli

keluarga ibu tunggal yang telah menyediakan sumbangan kewangan atau memberi bantuan atau pengawasan secara normatif Lingxin Hao & Mary C. Brinton (1997).

Kajian McLanahan and Booth (1989) telah meneliti tiga aspek ibu tunggal dalam keluarga iaitu ekonomi dan kesejahteraan sosial, kepentingan anak, dan peranan mereka dalam politik jantina, bangsa dan kelas sosial. Pengkaji menyimpulkan bahawa aspek ekonomi tidak selamat adalah sangat tinggi di kalangan ibu tunggal kerana tahap kemampuan mereka untuk menyimpan aset adalah rendah, anak kurang mendapat sokongan daripada ayah mereka, dan kurang menerima faedah daripada sektor awam. Kajian ini juga telah mendapat bukti bahawa intergenerasi negatif akan memberi kesan kemiskinan kepada dewasa anak-anak kelak bagi yang tinggal dengan ibu tunggal berbanding dengan kanak-kanak yang tinggal dengan ibubapa yang sempurna. Mereka juga berkemungkinan besar akan menjadi ibu atau bapa tunggal kepada anak-anak mereka. Kekurangan aspek ekonomi, kemahiran ibubapa dan keadaan jiran sekeliling akan memberi pengaruh kepada mobiliti sosioekonomi yang rendah. Secara keseluruhan, pengkaji telah berhujah bahawa ibu tunggal adalah menjadi contoh dan batu permata dalam satu perjuangan bagi mengubah peranan seorang wanita, hubungan antara negara dan keluarga serta kelas sosial dan ketidaksetaraan diantara kaum.

Burkhauser & Joseph (2007); Joseph (2008) telah membuat kajian dan memeriksa tentang kecekapan sasaran upah minimum dengan perhatian khusus terhadap ibu tunggal. Mereka mendapati kenaikan upah minimum tidak memberi kesan kepada kadar kemiskinan ibu tunggal kerana (1) banyak ibu tunggal tidak bekerja, dan (2) di antara mereka yang melakukan, kebanyakan sudah mendapat upah yang lebih tinggi daripada upah minimum negeri atau persekutuan. Walaubagaimanapun, Burkhauser dan Sabia (2007) tidak mengkaji pekerjaan, jam, atau kesan pendapatan upah minimum untuk ibu-ibu tunggal yang kurang berpendidikan, berkemahiran rendah, dan populasi yang mungkin terjejas.

Dalam kajian kualitatif Serap & Ayse (2013) telah menemubual dua puluh empat orang sampel yang terdiri daripada ibu tunggal di Turki dengan memfokuskan pelbagai faktor budaya dan struktur yang dihadapi oleh ibu tunggal dalam masyarakat patriarki di Turki. Pengkaji telah mengenalpasti strategi yang dirangka oleh ibu tunggal dalam mengatasi kesukaran mereka dalam membesarkan dan mengurus anak-anak mereka sendiri sebagai ibu tunggal. Keputusan kajian telah menunjukkan bahawa ibu tunggal menghadapi banyak cabaran termasuklah kesukaran dalam mengekalkan kuasa mereka sebagai ketua keluarga terutamanya dalam perubahan sistem keluarga yang baru, berusaha untuk mengekalkan suasana sistem keluarga yang sempurna dan mempunyai tingkahlaku yang negatif terhadap ibu tunggal dan juga terhadap anak-anak mereka. Pengkaji telah berhujah bahawa strategi yang telah dirangka oleh ibu tunggal ini mereka berusaha untuk membina semula keluarga mereka seiring dengan sistem keluarga tradisional di Turki.

Di samping itu juga, kekurangan sokongan sosial akan memberi tekanan, menghasilkan mental dan fizikal yang lemah serta kebimbangan di kalangan ibu tunggal. Ibu tunggal perlu ada bentuk sokongan daripada pihak luar tetapi sebaliknya Bassuk, Browne, dan Buckner (1996) melaporkan bahawa ibu tunggal yang miskin lebih mengasingkan diri daripada bersosial, kurang menerima sokongan ibu bapa dari segi emosi dan tidak mempunyai rangkaian sosial yang tidak stabil daripada ibu yang berkahwin. Crosier, Butterworth, dan Rodgers (2007) mendapati bahawa faktor kekurangan dan kesusahan dari segi sokongan sosial dan kewangan yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah faktor utama yang menyumbang kepada kesihatan mental yang lemah.

Isu-Isu Ibu Tinggal Di Malaysia Dan Luar Negara

Ibu tinggal yang bekerja bawah gaji yang rendah telah di kategorikan sebagai pekerja yang berkolar biru atau bekerja dalam perkhidmatan yang mempunyai kurang autonomi, dalam kalangan kelompok yang kecil tidak mungkin menerima upah gaji, faedah kerja serta tawaran sokongan daripada majikan mereka Bernstein (2004); Seohee Son & Jean (2009). Sebagai contoh, apabila ibu tinggal yang bekerja mengambil sedikit masa tanpa dijangka bagi menangani masalah keluarga mereka tanpa ada sebarang ancaman kehilangan pekerjaan daripada majikan dapat meringankan tekanan konflik kerja keluarga mereka.

Seohee Son & Jean W. Bauer (2009) telah menyokong kajian diatas bahawa ibu tinggal yang berpendapatan rendah atau mempunyai gaji yang rendah akan memberi kesan kepada pendapatan ekonomi keluarga mereka, faedah kerja dan fleksibiliti. Tambahan lagi, ibu tinggal ini mempunyai tanggungjawab tunggal untuk menjaga dan menyara anak-anak mereka dengan mempunyai sumber yang sangat terhad.

Di samping itu juga, Heymann et al. (2002); Mason (2003) memberi pendapat yang sama bahawa pekerja yang rendah gaji seperti tidak ada faedah, kekurangan fleksibiliti, jadual kerja yang tidak standard, dan ketidakstabilan kerja akan menjadikan ia lebih sukar untuk ibu yang mempunyai dua gabungan tanggungjawab kewajipan iaitu keluarga dan pekerjaan. Apabila ibu tidak menerima apa-apa manfaat daripada pekerjaannya, mereka lebih cenderung kearah kehilangan gaji atau kehilangan pekerjaan kerana keperluan keluarga lebih penting. Kajian terdahulu juga mendapati bahawa adanya cuti berbayar dan kelonggaran dapat mengurangkan konflik keluarga walaupun berpendapatan rendah.

Manakala, kajian daripada Presser (2003) wujudnya peningkatan konflik pendapatan kerja dalam keluarga bagi ibu tinggal yang terikat dengan tempoh jam yang mereka kerja dengan memberi kesan kepada pendapatan yang rendah. Kebanyakan ibu tinggal merasakan lebih banyak konflik berbanding ibu yang berkahwin kerana pekerjaan mereka terikat dengan tempoh jam yang tidak standard dan jadual kerja mereka tidak sama dengan ibu yang berkahwin.

Sistem penjagaan anak lemah dan tiada orang yang bertanggungjawab serta di percayai untuk menjaga anak mereka akan menghalang ibu tinggal untuk mengekalkan kualiti pekerjaan mereka malah memberi bebanan kepada ibu tinggal. Contohnya, ibu yang bekerja di bawah tempoh percubaan berkemungkinan akan terjejas atau hilang apabila terjadinya anak-anak mereka jatuh sakit tanpa dijangka kerana mereka perlu menjaga dan membawa anak mereka berjumpa doktor untuk dirawat. Tambahan lagi, kebanyakan ibu tinggal di luar sana yang masih dalam tempoh percubaan akan memberi kesan kepada mereka untuk diberhentikan kerja kerana mereka memerlukan masa untuk menjaga dan merawat anak mereka dengan rapi dan teliti Lingxin & Mary (1997).

Kebanyakan ibu tinggal bekerja adalah untuk mendapat upah gaji daripada majikan mereka. Tetapi, kurangnya sistem sokongan luar akan menyebabkan peningkatan risiko kemiskinan kerana mereka terbeban dengan dwi komitmen iaitu pekerjaan dan mengurus keluarga mereka. Walaupun negara Amerika Syarikat adalah negara yang maju tetapi mereka jauh kebelakang dalam menyokong ibu bapa dalam mengimbangkan sistem pekerja yang berbayar dengan pengasuhan yang tidak berbayar malah, kadar peningkatan ibu tinggal kepada tiga kali ganda sejak tahun 1960 dalam Jennifer (2015).

Selain daripada itu, faktor kekurangan pengalaman kerja, diskriminasi seks di pasaran buruh, dan kos penjagaan anak yang tinggi akan menyumbang kearah kesulitan ekonomi di kalangan

ibu tunggal McLanahan & Booth (1989): Serap & Ayse (2013). Faktor-faktor ini telah mendorong kearah pendebatan yang besar dikalangan ibu tunggal yang miskin. Tambahan lagi, faktor ekonomi di kalangan ibu tunggal sering di pandang negatif disamping itu mereka kekurangan sokongan sosial dan tekanan psikologi dan emosi.

C. Anne, Alfred, Joseph² & Marco (2015) telah menyokong kajian diatas mengatakan bahawa ibu tunggal yang miskin menghadapi beberapa tekanan iaitu mempunyai kebimbangan terhadap pekerjaan mereka, tempat tinggal atau perumahan, makanan dan minuman yang mencukupi, diskriminasi, kewujudan stigma, pendedahan kepada keganasan, pengorbanan dan penyakit. Rentetan ini, mereka juga mempunyai pekerjaan yang faedah sangat terhad, suasana persekitaran kejurangan tidak selamat dan merosot serta sokongan daripada komuniti, keluarga dan peribadi adalah terhad.

Secara ringkasnya, ibu tunggal yang mempunyai pendapatan yang rendah adalah dikategorikan sebagai penduduk yang lemah yang berkemungkinan akan mengalami gangguan kesihatan mental dan fizikal berbanding dengan ibu yang telah berkahwin. Tekanan yang mereka hadapi lebih cenderung kearah yang kronik, teruk dan dalam masa jangka yang panjang. Mereka telah melaporkan bahawa banyak masalah kesukaran dikalangan awal kanak-kanak, banyak peristiwa yang mengancam kehidupan mereka dan mempunyai tahap tekanan yang tinggi dan kurang kronik berbanding dengan penduduk awam Broussard (2010); Cairney, Boyle, Offord, & Racine (2003)

Strategi atau Kemahiran Kehidupan Ibu Tunggal Dalam Kesejahteraan Keluarga

Dalam kajian ini, telah mempunyai strategi atau kemahiran yang sangat penting bagi ibu tunggal terutamanya dalam keluarga induk tunggal dalam mengurus keluarga kearah kesejahteraan dan mewujudkan hubungan yang kualiti di antara anak-anak dan ibu tunggal. Oleh itu, kajian ini mempunyai empat strategi dan kemahiran ibu tunggal iaitu:

Tawaran Pekerjaan Yang Komprehensif

Keluarga tunggal atau dua orang induk dalam keluarga adalah berbeza dari segi kemampuan dalam mencari rezeki dan meningkatkan sumber rezeki dalam keluarga serta boleh mengelakkan daripada kemiskinan dalam keluarga tersebut. Sumber-sumber tersebut adalah masa, modal insan, dan jumlah bilangan ahli keluarga yang mempunyai pekerjaan yang selesa serta sangat penting mempunyai rakan kongsi dalam membahagikan tugas demi meningkatkan dan menyumbangkan pendapatan dalam keluarga tersebut. Pengkaji berpendapat bahawa ibu tunggal mempunyai sumber yang sedikit kerana sering berhadapan dengan kadar jam kerja yang tidak teratur dan telah menggunakan masa yang lama. Walaubagaimanapun, kepentingan pekerjaan di kalangan ibu tunggal terutamanya dalam keluarga induk tunggal adalah lebih tinggi kerana kemungkinan ia memberi kesan kepada ibu tunggal untuk menyimpan aset untuk ahli keluarga mereka dalam Guony (2019)

Dalam kajian Malin, Kemudu & Pia (2013) menunjukkan bahawa kebanyakan wanita mempunyai pelbagai rancangan dalam mencari pekerjaan yang stabil bagi meningkatkan kewangan mereka dalam meneruskan kelangsungan hidup serta bertanggungjawab keatas keluarga mereka terutamanya anak-anak mereka. rentetan ini, mereka telah berhijrah ke zon perdagangan bebas tanpa membawa anak-anak mereka bersama atau bekerja sebagai pembantu rumah di Timur Tengah bagi menambah pendapatan.

Tambahan lagi, peluang pekerjaan yang lebih baik akan meningkatkan kedudukan wanita dalam masyarakat, dan keselamatan ekonomi melalui bantuan kewangan kerajaan dan / atau bukan kerajaan dapat memberi kuasa kepada ibu tunggal untuk membuat keputusan penting mengenai diri mereka dan anak-anak mereka Malin, Kemudu & Pia (2013). Smith et al., (2000) telah menyokong bahawa pekerjaan ibu tunggal yang positif akan mempengaruhi kesejahteraan keluarga ibu tunggal tersebut. Tambahan lagi, ibu tunggal berhadapan dengan pelbagai cabaran harian mereka untuk memenuhi keperluan keluarga serta mengimbangi antara komitmen kerja dan keluarga Edin (2000); McDonald & Armstrong (2001)

Sistem Sokongan Daripada Ahli Keluarga Atau Orang Dipercayai

Menurut Velma, Mia, Gene, Amanda & Dionne (2001) berpendapat bahawa sokongan sosial dari ahli keluarga kemungkinan besar akan memupuk kesejahteraan psikologi dan meningkatkan kemahiran keibubapaan di kalangan ibu tunggal apabila mereka bertingakhlaku dengan baik dan mendapat sokongan yang tidak menjejaskan harga diri sebagai ibu tunggal serta mereka berkeyakinan dengan tanggungjawab mereka sebagai ketua keluarga.

Di samping itu, Velma, Mia, Gene, Amanda & Dionne (2001) telah menambah lagi bahawa ibu tunggal yang menerima sokongan daripada ahli keluarga dan penyelia dapat membantu mengurus keluarga dan memenuhi permintaan pertolongan daripada ibu tunggal. Khususnya, ibu tunggal yang bekerja dalam pekerjaan yang sama mempunyai sistem sokongan yang konsisten atau mencukupi. Hal ini sama dengan kajian yang terdahulu dalam yang melaporkan bahawa sokongan keluarga memainkan peranan penting dalam memudahkan pekerjaan ibu dan menerima penjagaan dari saudara mara adalah bentuk utama dalam menjaga anak bagi ibu tunggal yang bergaji rendah.

Manakala, dalam kajian Wijnberg & Weinger (1998) bertentangan dengan pendapat diatas mengatakan bahawa sokongan dan gangguan daripada ahli keluarga bukan hanya sekadar bertentangan dengan satu kesinambungan tetapi ia mempunyai dimensi yang berbeza. Beliau melaporkan bahawa ibu tunggal telah memberi penghargaan yang mereka terima dari segi bantuan instrumental dan emosi daripada ahli keluarga mereka dengan menyatakannya secara terbuka. Tetapi, dalam masa yang sama juga mereka menyatakan ketidakpuashati terhadap dinamika hubungan antara mereka seperti yang dinyatakan oleh seorang peserta “saya harap ibu tidak bertindak sukar terhadap saya. saya tidak faham tentang ibu saya sendiri, tentang mesej yang saya tidak berbuat baik daripada ibu”.

Ibu Tunggal Yang Mempunyai Pendidikan Tinggi Dan Kerja Kemahiran

Kajian daripada Min Zhan (2006) ibu tunggal yang mempunyai pendidikan yang tinggi akan memberi kesan yang positif terhadap ekonomi mereka tanpa mengira tahap pendapatan mereka. waktu bekerja telah bergantung kepada ibu tunggal yang mempunyai pendidikan yang tinggi sahaja. Rentetan ini, ibu tunggal yang mempunyai pendidikan yang rendah akan memberi kesan kepada mereka untuk menerima gaji yang rendah malah mereka tidak ada peluang untuk maju kedepan. Tambahan lagi, bagi ibu tunggal yang berpendidikan tinggi akan menghasilkan latihan kemahiran yang positif seiring dengan pergerakan ekonomi mereka kerana mereka berpeluang untuk menerima latihan pekerjaan yang berkualiti tinggi seiring dengan kemajuan potensi dalam kerjaya mereka. Hasil kajian ini, menunjukkan bahawa kualiti pekerjaan dan latihan yang berkemahiran yang tinggi adalah sangat penting dalam menstabilkan ekonomi ibu tunggal tersebut.

Sokongan Dan Bantuan Sosial Kebajikan

Patricia (2014) telah memperkenalkan program bantuan sosial telah menunjukkan perkembangan yang positif dalam memperkenalkan ibu tunggal sebagai tumpuan yang penting dalam insentif kerja. Tiga strategi utama telah dikenalpasti iaitu strategi kewangan telah memanipulasikan sistem bantuan sokongan dalam meningkatkan faedah gajaran dalam pekerjaan ibu tunggal. Strategi yang kedua adalah satu perkhidmatan yang memberi peluang kepada ibu tunggal dalam memajukan pekerjaan mereka, dan strategi yang terakhir adalah satu bantuan sosial yang ketat bergantung kepada keperluan kerja dan sekatan penguatkuasaan dalam pekerjaan. Pengkaji telah menggunakan pengalaman Ontario sebagai panduan dalam strategi kewangan dan perkhidmatan.

Selain itu, pengkaji juga telah membincang faktor-faktor yang boleh membawa kepada perkembangan dan dilema kenaikan gaji dikalangan pekerja dari ibu tunggal. Pengkaji telah memberi cadangan bahawa upah gaji tidak dapat memenuhi objektif kerana ia menggalakkan penerima bantuan sosial untuk bekerja sepenuh masa, tetapi dasar untuk masa depan perlu dipastikan bahawa sasaran kerja perkhidmatan lebih ditargetkan dengan teliti. Walaubagaimanapun, tanpa memberi perhatian terhadap kedudukan wanita pasaran pekerjaan di Kanada, insentif bantuan sosial kerja yang lebih baik mungkin menghasilkan keuntungan yang sederhana untuk pekerjaan ibu tunggal.

Disamping itu juga, dalam kajian Leslie & Grady (1985); Stack, (1974) telah menekankan keyakinan diri terhadap ibu tunggal selepas berlakunya perpisahan dalam perkahwinan. Penyelidik percaya bahawa ibu tunggal lebih optimis dalam memperjuangkan kesusahan mereka serta menyatakan bahawa ibu tunggal mempunyai keupayaan dalam mengintegrasikan diri mereka dalam bantuan sosial dan keluarga. Malah, ia akan membantu ibu tunggal dalam mencari sumber bahan dan sosial bagi mengurangkan kesulitan dan kesusahan yang mereka hadapi dalam menguruskan keluarga mereka.

3. Kesimpulan

Secara kesimpulan, ibu tunggal merupakan seorang individu yang sangat kental, tabah dan kuat dalam bertanggungjawab menguruskan, membimbing dan menjaga anak-anak mereka galang ganti sebagai ketua dalam keluarga. Mereka sering berhadapan dengan pelbagai masalah dan isu dalam menyempurnakan tanggungjawab serta menjalankan amanah mereka terhadap ahli keluarga mereka. Dalam kajian ini, masalah yang ibu tunggal sering hadapi adalah gangguan emosi, kekurangan fizikal dan kelemahan mental selepas berpisah dengan pasangan hidup lebih-lebih lagi mereka perlu mengambil alih beban tanggungjawab dalam mengurus, membimbing dan menjaga anak. Namun demikian, ibu tunggal mempunyai daya positif yang kuat dengan mempunyai strategi dan kemahiran demi mengekalkan kualiti hubungan antara anak-anak dan ahli keluarga yang lain serta menghasilkan kesejahteraan dalam keluarga sebagai keluarga induk tunggal.

Dalam laporan LPPKN (2016) berpendapat bahawa kesejahteraan keluarga boleh diteliti daripada segi jenis keluarga, proses keluarga, ciri-ciri individu dan keadaan keluarga. Jenis keluarga misalnya boleh diterangkan sama ada seseorang itu tinggal dengan ibu atau bapa atau kedua-duanya sekali, sama ada ibu bapa berkahwin, ibu tunggal, bapa tunggal atau berpisah. Kesejahteraan keluarga kemudiannya perlu dijelaskan dengan proses keluarga yang mana konflik boleh dikenal pasti, sejarah dalam perhubungan kekeluargaan, sikap terhadap kemahiran keibubapaan, peranan keluarga dan lain-lain. Jenis keluarga dan proses keluarga tidak mencukupi untuk menggambarkan kesejahteraan keluarga tanpa ada komponen ciri-ciri

individu seperti personaliti dan ditambah pula dengan keadaan keluarga yang perlu melalui pelbagai peristiwa hidup, pendidikan, kelas sosial, tempoh masa bekerja dan lain-lain.

Rujukan

- Bassuk, E., Browne, A., & Buckner, J. (1996). Single Mothers And Welfare. *Scientific American*, 275, 60–67.
- Bernstein J. (2004). The Low-Wage Labor Market: Trends And Policy Implications Work-Family Challenges For Low-Income Parents And Their Children (Pp. 3–34).
- Broussard C. A. (2010). Research Regarding Low-Income Single Mothers' Mental And Physical Health: A Decade In Review. *Journal of Poverty*, 14, 443–451.
- Burkhauser R. V., & Sabia, J. J. (2007). The Effectiveness Of Minimum Wage Increases In Reducing Poverty: Past, Present, And Future. *Contemporary Economic Policy*, 25, 262–281.
- C. Anne Broussard, Alfred L. Joseph, & Marco Thompson (2015). Stressors and Coping Strategies Used by Single Mothers Living in Poverty. *Affilia: Journal of Women and Social Work* 27(2) 190-204^a 2012 SAGE Publications.
- Cairney J., Boyle M., Offord D., & Racine, Y. (2003). Stress, Social Support And Depression In Single And Married Mothers. *Social Psychiatry & Psychiatric Epidemiology*, 38, 442–449.
- Crosier T., Butterworth, P., & Rodgers B. (2007). Mental Health Problems Among Single And Partnered Mothers. *Social Psychiatry & Psychiatric Epidemiology*, 42, 6–13.
- Edin, K. 2000. "What Do Low Income Single Mothers Say About Marriage?" *Social Problems* 47:112–133.
- Guðný Björk Eydal (2019). Policies And Practices For Single Parents In Iceland. *Bristol University Press, Policy Press*.
- Heymann J., Boynton-Jarrett, R., Carter, P., Bond, J., & Galinsky, E. (2002). Work-Family Issues And Low-Income Families. Retrieved March 5, 2007.
- J. Brian Brown & Daniel T. Lichter (2004). Poverty, Welfare, and the Livelihood Strategies of Nonmetropolitan Single Mothers.
- Jennifer Utrata (2015). Women Without Men: Single Mothers And Family Change In The New Russia. *First published 2015 Press Ithaca and London, Cornell University*
- Joseph J. Sabia (2008). Minimum Wages and the Economic Well-Being of Single Mothers. *Journal of Policy Analysis and Management by the Association for Public Policy Analysis and Management*.
- Leslie, L.A., & Grady, K. (1985). Changes In Mothers' Social Support Networks And Social Support Following Divorce. *Journal of Marriage and the Family*.
- Lingxin Hao & Mary C. Brinton (1997). Productive Activities and Support Systems of Single Mothers by The University of Chicago. *All rights reserved*.
- LPPKN (2011). Buku Dasar Keluarga Negara dan Pelan Tindakan Dasar Keluarga Negara, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.
- LPPKN (2016). Laporan Indeks kesejahteraan keluarga malaysia 2016, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.
- Malin Jordal, Kumudu Wijewardena & Pia Olsson (2013). Unmarried Women's Ways Of Facing Single Motherhood In Sri Lanka A Qualitative Interview Study. *Jordal et al. BMC Women's Health* 2013, 13:5.
- Mason, R. (2003). Listening To Lone Mothers: Paid Work, Family Life, And Child Care In Canada. *Journal of Children & Poverty*, 9, 41– 54.

- McDonald, K.B., & E.M. Armstrong. (2001) De-romanticizing Black Intergenerational Support: The Questionable Expectations of Welfare Reform.” *Journal of Marriage and Family* 63:213–223.
- McKeown, K., Pratschke, J., & Haase, T. (2003). Family Well-Being: What Makes A Difference? Department Of Social & Family Affairs, Family Support Centre & Ceifin Centre
- Min Zhan (2006). Economic Mobility of Single Mothers: The Role of Assets and Human Capital Development. *Journal of Sociology & Social Welfare Vol. 33, No. 4.*
- Mohd Ismail Mustari, Robiah Ya'akob, Syarifah@Noriana Chik Kamarul, Azmi Jasmi & Ahmad Kilani Mohamed (2004). Permasalahan Ibu Tunggal Dalam Melaksanakan Tanggungjawab Pendidikan Anak-Anak : Satu Kajian Kawasan Sura, Dungun, Terengganu
- Patricia Evans (2014). Work Incentives and the Single Mother: Dilemmas of Reform. *Canadian Public Policy / Analyse de Politiques.*
- Presser, H. B. (2003). Working In A 24/7 Economy: Challenges For American Families. New York: Russell Sage.
- Seohee Son & Jean W. Bauer (2009). Employed Rural, Low-Income, Single Mothers’ Family and Work Over Time. *Published online: 1 December 2009, Springer.*
- Sara McLanahan & Karen Booth (1989). Mother-Only Families: Problems, Prospects, and Politics. *Journal of Marriage and Family*, National Council on Family Relations.
- Serap Kavas & Ayse Gündüz-Hoşgör (2013). The Parenting Practice Of Single Mothers In Turkey: Challenges And Strategies. *Women's Studies International Forum.*
- U.S Divorce Law Center (2009). Marital Separation And Lethal Domestic Violence.
- Watkins, Menken, & Vaughan (1981). Handbook Of Marriage And The Family.
- Wijnberg, M. H., & Weinger, S. (1998). When Dreams Wither And Resources Fail: The Social-Support Systems Of Poor Single Mothers. *Families in Society.*
- Velma McBride Murry, Mia S. Bynum, Gene H. Brody, Amanda Willert, & Dionne Stephens (2001). African American Single Mothers and Children in Context: A Review of Studies on Risk and Resilience.